

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 37**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai mekanisme sewajarnya bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh Persatuan Teksi Limousin Lapangan Terbang Antarabangsa, Kota Kinabalu yang terpaksa bersaing dengan teksi e-hailing seperti Grab walaupun Persatuan Teksi Limousin tersebut terpaksa membayar RM 11,000 setiap bulan kepada Malaysia Airport Berhad.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Persatuan Teksi Limousin Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ini terdiri daripada pemilik Teksi Limousin dan juga pemilik Teksi Lapangan Terbang. Pada masa ini hanya Sabah sahaja yang mempunyai kelas lesen teksi lapangan terbang yang beroperasi khas di lapangan terbang dan teksi-teksi ini tidak dibenarkan untuk mengambil penumpang selain di lapangan terbang. Tujuan asal kelas lesen diwujudkan adalah untuk mengelakkan perbalahan antara pemandu teksi kelas bandar raya dan teksi lapangan terbang. Secara keseluruhan di Sabah, terdapat sebanyak 262 unit teksi kelas lapangan terbang dan 155 unit teksi limousin.
2. Tidak dapat dinafikan bahawa pengguna pengangkutan awam lebih gemar menggunakan aplikasi *e-hailing* seperti Grab sebagai medium pengangkutan dan antara faktor utama adalah perkhidmatan Grab menawarkan harga yang jauh lebih murah. Sebagai contoh, perjalanan sehala daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) ke pusat bandar Kota Kinabalu yang tidak lebih daripada 10km dengan menaiki teksi lapangan terbang adalah sebanyak RM30, manakala kadar tambang *e-hailing* seperti Grab hanya dalam lingkungan RM15 hingga RM20.
3. Kementerian mengambil maklum terhadap permohonan persatuan agar KKIA dikhaskan untuk kelas lesen teksi lapangan terbang sahaja. Namun demikian, mengambil kira KKIA merupakan antara lapangan terbang yang tersibuk di Malaysia, adalah wajar bagi Kerajaan untuk menimbang perkara ini secara holistik agar ia tidak menimbulkan kesukaran kepada rakyat dan pengguna secara amnya.
4. Hasil tinjauan terkini di KKIA mendapati 90% daripada 230 responden memilih untuk menempah melalui *e-hailing*. Memandangkan Syarikat Grab merupakan syarikat *e-hailing* yang dominan di Kota Kinabalu, data yang diperolehi menunjukkan bahawa sebanyak 51,000 tempahan telah dibuat daripada KKIA

sepanjang bulan September sahaja. Secara purata, sebanyak 1,700 tempahan dibuat secara harian di KKIA.

5. Bagi membantu menyeimbangkan persaingan (*level playing field*) di antara teksi lapangan terbang dan *e-hailing*, beberapa siri sesi perjumpaan antara pihak Kerajaan, pihak teksi, dan pihak *e-hailing* telah dibuat bagi mencari jalan penyelesaian terbaik untuk membantu persatuan. Hasil yang dicapai ialah melalui penyertaan ahli-ahli persatuan ke dalam syarikat *e-hailing*. Namun demikian, sehingga hari ini, dimaklumkan masih tiada pemilik teksi lapangan terbang di KKIA yang mendaftar dengan Grab atau syarikat *e-hailing* yang lain.
6. Antara cadangan lain di peringkat Kementerian adalah untuk liberalisasi kelas lesen teksi lapangan terbang ini iaitu menukar kelas teksi lapangan terbang kepada kelas teksi bandar raya seperti di bandar-bandar lain dalam Malaysia. Langkah ini sekali gus akan membolehkan mereka beroperasi di dalam kawasan bandaraya secara keseluruhannya lantas tidak mengehadkan kawasan operasi mereka untuk mengambil penumpang di lapangan terbang sahaja.
7. Berhubung isu pembayaran pihak persatuan sebanyak RM11,000 kepada pihak Malaysia Airports Berhad (MAB) setiap bulan, ianya merupakan kos sewa ruang di dalam kawasan lapangan terbang. Memandangkan perkara ini merupakan keputusan perniagaan, pihak persatuan adalah disyorkan untuk berunding dengan pihak Lapangan Terbang untuk mengurangkan kos operasi teksi tersebut.

Sekian, terima kasih.